

<b>Headline</b>	Perak Biodiversity Tool dilancar		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Malaysia		
<b>Date</b>	28 Mar 2012	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Dlm Negeri	<b>Circulation</b>	197,952
<b>Page No</b>	24	<b>Readership</b>	833,287
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	391 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 7,799
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 23,397



# Perak Biodiversity Tool dilancar

KUALA LUMPUR 27 Mac - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hari ini melancarkan Perak Biodiversity Tool iaitu teknologi mudah guna bagi pengurusan hutan yang pertama di dunia.

Menterinya, Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata, antara fungsi alat itu ialah membantu mengenal pasti kesan pembalakan hutan pada biodiversiti melalui kaedah standard.

"Alat ini turut membantu dalam merancang amalan perhutanan yang tidak memberi kesan negatif kepada biodiversiti dan ekonomi serta penambahbaikan pembalakan hutan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Perak Biodiversity Tools Set dan Seminar Serantau Peningkatan Kaedah dan Peralatan Pemuliharaan Biodiversiti Bersepadu Dalam Perancangan Hutan yang turut dihadiri oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir, di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod; Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Dr. Abdul Rahman Rahim; Penolong Pengarah Maklumat Ekonomi dan Pemasaran Pertubuhan Balak Tropika Antarabangsa (ITTO), Amha Buang dan wakil Residen Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), Kamal Malhotra.

Menurut Douglas, peralatan itu akan diguna pakai di seluruh Ja-

batan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan akan diperluas ke Sabah dan Sarawak.

Katanya, peralatan itu dihasilkan melalui kajian selama enam tahun dengan kos sebanyak RM7 juta di bawah Projek Pemuliharaan Biodiversiti UNDP-Global Environment Fund (GEF)-ITTO-FRIM (CBioD).

"Alat ini mengambil nama Perak kerana kajian telah dilakukan di Hutan Simpan Temenggor, Perak oleh pengkaji tempatan dan luar negara," katanya.

Dalam pada itu, Perak Biodiversity Tool mengandungi empat kit peralatan iaitu Perancangan Landskap, Pampasan Perkhidmatan Ekosistem (PES), Penilaian Pantas Biodiversiti dan Kaedah Pembalakan Alternatif melalui Pemilihan Pokok Berkomputer.

Sementara itu, Zambry berkata, peralatan itu akan membantu dalam meluaskan konsep Perak Biodiversiti, sekali gus menjadikan negeri itu sebagai hab pemuliharaan biodiversiti pada masa depan.

Katanya, antara inisiatif Perak Biodiversiti ialah pembangunan Bandar Bio-D iaitu pembangunan Ipoh melibatkan kawasan dari Gunung Lang, Jelapang sehingga Sungai Siput.

"Pihak industri di kawasan berkenaan akan dipantau dan digalakkan mewujudkan amalan Bio-D yang baik bagi mewujudkan persekitaran yang mapan tanpa mengganggu aktiviti perniagaan," kata-nya.

<b>Headline</b>	<b>Perak Biodiversity Tool dilancar</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>28 Mar 2012</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Circulation</b>	<b>197,952</b>
<b>Page No</b>	<b>24</b>	<b>Readership</b>	<b>833,287</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>391 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 7,799</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 23,397</b>



**DOUGLAS Unggah Embas (kiri) menerima plak pelancaran daripada Zambry Abdul Kadir sambil disaksikan Abd. Latif Mohmod di Kuala Lumpur, semalam.**